

Mahathir mahu sistem kerja sekarang diubah

14 330/1976
SEREMBAN, Jumaat.

— Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa sistem pentadbiran Kerajaan yang ada, sekarang telah ketinggalan zaman, tidak secekap dan teratur sebagaimana yang terdapat di sektor swasta.

Katanya, Kementerian-kementerian hendaklah mengka-ji semula sistem pentadbiran kerja masing-masing dalam usaha mewujudkan satu sistem baru yang lebih cekap, pantas dan bersistematik.

Dalam hubungan ini, beliau mengarahkan pihak Kementerian Pelajaran supaya menggunakan sepenuhnya kemudahan komputer dan berharap Kementerian-kementerian lain berbuat de-

mikian

Dr. Mahathir yang juga Menteri Pelajaran berkata demikian di majlis taklimat pembangunan Negeri Sembilan di Bilik Gerakan Negeri di sini pagi tadi.

Dr. Mahathir bersama isterinya dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke negeri ini mulai hari ini.

Mencuri

Mengenai pengaliran keluar tenaga mahir Kerajaan ke sektor swasta, Dr. Mahathir berharap sektor swasta tidak mencuri tenaga mahir Kerajaan itu.

Katanya, Kerajaan akan melatih lebih ramai lagi pegawai-pegawai yang boleh berkhidmat lebih lama dengan Kerajaan

Katanya, Kerajaan tidak dapat menahan pegawai-pegawai-nya keluar berkhidmat dalam sektor swasta dan keadaan ini berlaku kerana pendapatan mereka lebih lumayan di sektor itu.

Menurutnya, jika Kerajaan mahu mengikut keadaan yang terdapat dalam sektor swasta

dari segi pembayaran gaji umpamanya, kita terpaksa menaikkan cukai dan ini boleh menimbulkan keadaan yang tidak puashati di kalangan rakyat.

Menurut beliau, Rancangan Malaysia Ketiga yang dilancarkan bulan lalu telah mendapat sambutan seluruh dunia kerana pembangunan kita disusun dengan baik dan membawa kepada kemajuan rakyat serta negara seluruhnya.

Beliau lalu mengingatkan adalah menjadi tugas dan kewajipan setiap kakitangan kerajaan dan pemimpin parti-parti politik yang memimpin negeri dan kerajaan atas kejayaan rancangan Malaysia Ketiga.

Sementara itu, Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Mansor Othman berkata Kerajaan Negerinya akan melancarkan gerakan reformasi tanah bagi membaiki taraf hidup dan ekonomi 30% kaum tani di negeri ini yang masih hidup dalam keadaan kais pagi makan pagi. Katanya, Kerajaan Negeri sedang menyusun

satu rancangan bagi memastikan setiap petani memiliki tanah antara tiga hingga empat ekar.

Memberi

Bagi menjamin kejayaan matlamat tersebut secepat mungkin, katanya, Kerajaan juga menyediakan berbagai kemudahan asas yang moden dan memberi bimbingan serta latihan kemahiran kepada mereka.

Datuk Mansor berkata, Kerajaan Negeri merasa berdosa jika keadaan petani desa itu yang merupakan sebahagian dari 541,000 orang penduduk negeri ini tidak dibaiki segera.